



Kadar tol 16 lebuhraya dijangka naik tetapi bergantung kepada keputusan Kabinet.

# Kadar tol 16 lebuhraya dijangka naik

» Caj baharu bergantung kepada kelulusan Kabinet

BH  
12/6/2015  
mls F

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kadar tol 16 lebuhraya utama di seluruh negara dijangka naik antara 20 sen hingga RM1, pada Ogos ini, jika

mendapat kelulusan Kabinet.

Difahamkan, Kementerian Kerja Raya akan membawa cadangan kenaikan itu untuk kelulusan Kabinet hari ini.

Antara lebuhraya yang dijangka terbahit dengan kenaikan tol itu ialah Lebuhraya Besraya yang akan mengalami kenaikan kadar tol sebanyak 70 sen daripada RM1.30 kepada RM2.

Tol Lebuhraya Pantai Baharu (NPE) bakal dinaikkan sebanyak 60 sen daripada RM1.60 kepada RM2.20, Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) naik 50 sen dari RM1.60 kepada RM2.10.

Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE) pula dicadangkan untuk naik 50 sen daripada RM2 kepada

RM2.50, Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR) naik 50 sen daripada RM2 kepada RM2.50 dan Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK) yang akan dinaikkan sebanyak 60 sen daripada RM1 kepada RM1.60.

Lebuhraya lain yang dijangka menyaksikan kenaikan ialah Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX), Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS), Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga), Lebuhraya Kulim-Butterworth, Lebuhraya Koridor Guthrie dan Lebuhraya Pantai Timur 1.

## Tak babitkan Lebuhraya Utara-Selatan

Bagaimanapun, difahamkan, kenaikan yang dicadangkan itu ti-

dak membabitkan Lebuhraya Utara-Selatan.

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, ketika dihubungi BH, berkata kerajaan masih belum membuat apa-apa keputusan mengenai kenaikan tol lebuhraya.

“Mengikut perjanjian (konsesi), dah lama naik (tol). (Tapi), kalau ada keputusan nanti, kita akan maklumkan, apa-apa keputusan berkaitan isu ini akan dimaklumkan,” katanya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai pula berkata, beliau tidak boleh mendedahkan sama ada isu berkaitan tol akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet hari ini.

“Apa boleh saya katakan ialah ia tidak dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu,” katanya.

Pada November tahun lalu, kerajaan memutuskan menangguhkan kenaikan kadar tol bagi 20 lebuhraya di seluruh negara yang sepatutnya dinaikkan tahun ini.

## Beri pampasan RM558.69j

Berikutan penangguhan itu, semua syarikat konsesi yang terbahit diberi pampasan berjumlah RM558.69 juta.

Kali terakhir kadar tol dinaikkan bagi LDP, Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Cheras-Kajang; Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Koridor-Guthrie membatik 30 sen hingga RM1.